

# Harga minyak dunia terjejas

Loji bahan api Arab Saudi diserang pemberontak, subsidi harga runcit di Malaysia tetap sama

Oleh Mohd Husni

Mohd Noor

mhusni@hmetro.com.my

## Putrajaya

**T**un Dr Mahathir Mohamad menjelaskan insiden serangan dron oleh pemberontak Yaman di loji minyak milik Arab Saudi akan memberi kesan kepada harga minyak dunia.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan tetap memberi subsidi bagi harga runcit bahan api di Malaysia biarpun harga minyak dunia naik.

"Di Malaysia, bila harga minyak dunia naik, kita masih beri subsidi," katanya selepas menyaksikan pertandingan akhir kejohanan *The Putrajaya Boat Race (TPBR)* 2019 kategori universiti lelaki di sini, semalam.

Ditanya sama ada kerajaan akan semak semula harga runcit bahan api terutama RON95 dan diesel susulan insiden itu, Dr Mahathir berkata, harga runcit bahan api di Malaysia antara paling rendah di dunia.

"Tapi kalau *you* (wartawan) nak saya semak, saya akan semak," katanya ketika menjawab pertanyaan wartawan.

Agensi berita dunia kelmarin melaporkan pemberontak Yaman melakukan serangan dron ke atas dua loji minyak milik Aramco di Abqaiq dan Khurais di timur Arab Saudi.

Susulan serangan itu, Arab Saudi menggantung sementara pengeluaran di



DR Mahathir bersama Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris serta pemenang kategori Universiti (Lelaki) selepas menyampaikan hadiah Kejohanan *The Putrajaya Boat Race* 2019 di Putrajaya, semalam.

dua loji minyak yang diserang itu sekali gus mengganggu kira-kira separuh penghasilan keseluruhan syarikat berkenaan.

Insiden itu membawa kepada gangguan kira-kira 50 peratus pengeluaran keseluruhan dan membabitkan

penggantian pengeluaran kira-kira 5.7 juta tong minyak mentah sehari.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, kerajaan belum mengutus sebarang surat rasmi kepada Presiden Indonesia, Joko Widodo susulan isu jerebu ren-

tas sempadan yang berlaku ketika ini.

Menurutnya, kerajaan kini perlu mencari bukti susulan dakwaan Indonesia yang mengaitkan isu itu dengan Malaysia.

"Tidak tulis apa lagi. Perlu tengok bukti (terlebih dulu)

kerana dia (Indonesia) kata ini (jerebu) datang dari Malaysia. Jadi kita kena pastikan sama ada datang dari Malaysia atau tidak," katanya.

Dalam pada itu, ditanya mengenai rancangan jangka panjang bagi mengatasi isu jerebu rentas sempadan ka-

tanya, Malaysia sentiasa mahukan isu itu diatasi namun, ia memerlukan kerjasama daripada negara lain termasuk Indonesia.

"Jika tidak mendapat kerjasama, tidak mungkin rancangan jangka panjang dapat dicapai," katanya.